



KEMENTERIAN PENDIDIKAN

KURIKULUM STANDARD SEKOLAH MENENGAH

Kurikulum Bersepadu Dini Menengah Atas dan Tingkatan Enam Dini

Usul al-Din

Dokumen Standard Kurikulum dan Pentaksiran

Tingkatan 5



KEMENTERIAN PENDIDIKAN

**KURIKULUM STANDARD SEKOLAH MENENGAH
Kurikulum Bersepadu Dini Menengah Atas dan Tingkatan Enam Dini**

**Usul al-Din
Dokumen Standard Kurikulum dan Pentaksiran
Tingkatan 5**

Bahagian Pendidikan Islam

MAC 2023

Terbitan 2023

© Kementerian Pendidikan

Hak Cipta Terpelihara. Tidak dibenarkan mengeluar ulang mana-mana bahagian artikel, ilustrasi dan isi kandungan buku ini dalam apa juga bentuk dan dengan cara apa jua sama ada secara elektronik, fotokopi, mekanik, rakaman atau cara lain sebelum mendapat kebenaran bertulis daripada Pengarah, Bahagian Pendidikan Islam, Aras Bawah & 2, Bangunan Mustapha Kamal, Blok 2251, Jalan Usahawan 1, Cyberjaya 63000 Selangor.

KANDUNGAN

Rukun Negara.....	vii
Falsafah Pendidikan Kebangsaan	viii
Definisi Kurikulum Kebangsaan	ix
Kata Pengantar.....	xi
Pendahuluan.....	1
Matlamat	2
Objektif	2
Kerangka Kurikulum Standard Sekolah Menengah.....	2
Fokus	4
Kemahiran Abad Ke-21	5
Kemahiran Berfikir Aras Tinggi.....	6
Strategi Pengajaran dan Pembelajaran	7
Elemen Merentas Kurikulum	10
Pentaksiran Bilik Darjah	12
Organisasi Kandungan	16
1. At-Tauhid	18

2. At -Tafsir (Kefahaman)	26
(Tilawah)	41
3. Hifz Al-Quran	43
Panel Penggubal	45
Penghargaan	46



RUKUN NEGARA

BAHAWASANYA Negara kita Malaysia mendukung cita-cita hendak:
Mencapai perpaduan yang lebih erat dalam kalangan seluruh masyarakatnya;
Memelihara satu cara hidup demokratik;
Mencipta satu masyarakat yang adil di mana kemakmuran negara
akan dapat dinikmati bersama secara adil dan saksama;
Menjamin satu cara yang liberal terhadap tradisi-tradisi
kebudayaannya yang kaya dan berbagai corak;
Membina satu masyarakat progresif yang akan menggunakan sains
dan teknologi moden;

MAKA KAMI, rakyat Malaysia, berikrar akan menumpukan seluruh tenaga dan usaha
kami untuk mencapai cita-cita tersebut berdasarkan atas prinsip-prinsip yang berikut:

**KEPERCAYAAN KEPADA TUHAN
KESETIAAN KEPADA RAJA DAN NEGARA
KELUHURAN PERLEMBAGAAN
KEDAULATAN UNDANG-UNDANG
KESOPANAN DAN KESUSILAAN**

FALSAFAH PENDIDIKAN KEBANGSAAN

“Pendidikan di Malaysia adalah suatu usaha berterusan ke arah memperkembangkan potensi individu secara menyeluruh dan bersepada untuk melahirkan insan yang seimbang dan harmonis dari segi intelek, rohani, emosi dan jasmani, berdasarkan kepercayaan dan kepatuhan kepada Tuhan. Usaha ini adalah bertujuan untuk melahirkan warganegara Malaysia yang berilmu pengetahuan, berketerampilan, berakhlak mulia, bertanggungjawab dan berkeupayaan mencapai kesejahteraan diri serta memberikan sumbangan terhadap keharmonian dan kemakmuran keluarga, masyarakat dan negara”

Sumber: Akta Pendidikan 1996 (Akta 550)

DEFINISI KURIKULUM KEBANGSAAN

3. Kurikulum Kebangsaan

(1) Kurikulum Kebangsaan ialah suatu program pendidikan yang termasuk kurikulum dan kegiatan kokurikulum yang merangkumi semua pengetahuan, kemahiran, norma, nilai, unsur kebudayaan dan kepercayaan untuk membantu perkembangan seseorang murid dengan sepenuhnya dari segi jasmani, rohani, mental dan emosi serta untuk menanam dan mempertingkatkan nilai moral yang diingini dan untuk menyampaikan pengetahuan.

Sumber: Peraturan-Peraturan Pendidikan (Kurikulum Kebangsaan) 1997

[PU(A)531/97]

KATA PENGANTAR

Kurikulum Bersepadu Dini (KBD) sebagai kurikulum kebangsaan telah dilaksanakan secara berperingkat mulai tahun 2015. Pelaksanaan KBD melibatkan lima mata pelajaran iaitu Usul al-Din, al-Syariah, al-Lughah al-'Arabiah al-Mu'asirah, al-Adab wa al-Balaghah dan Manahij al-'Ulum al-Islamiah.

Bermula tahun 2023, KBD Menengah Atas dan Kurikulum Tingkatan Enam Dini telah disesuaikan dengan Kurikulum Maahad al-Bu'uth al-Azhar selaras dengan pindaan Perjanjian Persefahaman Akademik dan Kebudayaan antara Kerajaan Malaysia dengan al-Azhar al-Syarif, Republik Arab Mesir yang dimeterai pada 6 Jun 2022.

Sehubungan dengan itu, Bahagian Pendidikan Islam menggubal Dokumen Standard Kurikulum dan Pentaksiran (DSKP) yang mengandungi standard kandungan, standard pembelajaran dan standard prestasi. Menerusi penggubalan DSKP ini, guru dapat menterjemahkannya dalam sesi pengajaran dan pembelajaran (PdP) dengan memberikan penekanan kepada penguasaan kandungan ilmu dan kemahiran berbahasa Arab dalam kalangan murid.

Pada masa yang sama, dokumen ini dapat membantu guru mentaksir murid bagi mengenal pasti tahap penguasaan mereka secara berterusan dan membolehkan guru membuat tindakan susulan untuk mempertingkatkan kebolehan murid.

DSKP yang dihasilkan juga mengintegrasikan pengetahuan, kemahiran dan nilai, serta memasukkan secara eksplisit kemahiran abad ke-21 dan kemahiran berfikir aras tinggi. Penyepaduan tersebut dilakukan untuk melahirkan insan seimbang dan harmonis dari segi jasmani, emosi, rohani, sahsiah dan intelek seperti yang terkandung dalam Falsafah Pendidikan Kebangsaan.

Kementerian Pendidikan Malaysia merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan ucapan terima kasih kepada semua pihak yang terlibat dalam penggubalan DSKP ini. Semoga dokumen ini dapat membantu guru melaksanakan PdP yang lebih berkesan ke arah melahirkan murid yang berilmu pengetahuan dan bertanggungjawab, mengamalkan cara hidup Islam yang sempurna dan mampu memberi sumbangan kepada agama, ummah dan negara.

ABU HANIPAH @ FAUZI BIN ZAHARI

Pengarah
Bahagian Pendidikan Islam
Kementerian Pendidikan Malaysia

PENDAHULUAN

Kurikulum Standard Sekolah Menengah (KSSM) Usul al-Din adalah mata pelajaran yang dilaksanakan di Sekolah Agama Bantuan Kerajaan (SABK) di seluruh Malaysia. KSSM Usul al-Din digubal bagi memenuhi keperluan untuk membina akidah yang kukuh dan membentuk peribadi muslim yang memahami, mengamalkan dan menghayati Islam secara menyeluruh.

KSSM Usul al-Din memberi penekanan kepada aspek ilmu, amali, amalan, penghayatan dan pembudayaan. Melalui mata pelajaran ini murid dibekalkan dengan pengetahuan asas tentang tauhid, tafsir dan hifz al-quran. Murid bukan sekadar dibekalkan dengan ilmu pengetahuan, malah mereka dididik untuk mengamal dan menghayati ilmu yang dipelajari. Melalui mata pelajaran ini juga murid dibimbing untuk mampu membangunkan diri serta masyarakat berdasarkan al-Quran dan al-Sunnah.

KSSM Usul al-Din ini juga digubal bagi melahirkan murid yang mampu mengintegrasikan tuntutan fardu ain dan fardu kifayah dalam melaksanakan tanggungjawab sebagai khalifah Allah SWT. Murid juga dibimbing agar boleh menghubungkait antara ilmu aqli dan ilmu naqli untuk memberi sumbangan kepada tamadun umat.

Bagi mencapai hasrat ini proses pengajaran dan pembelajaran perlu dirancang dan dilaksanakan sebaik mungkin.

Untuk membolehkan murid dinilai dengan lebih autentik dan holistik pelbagai kaedah pentaksiran digunakan. Pentaksiran formatif dijalankan secara berterusan semasa pengajaran dan pembelajaran untuk mengesan perkembangan dan pencapaian murid dalam pembelajaran. Pentaksiran sumatif dilaksanakan untuk menentukan tahap penguasaan dan pencapaian murid.

Proses PdP bagi Mata Pelajaran Usul al-Din hendaklah menggunakan Bahasa Arab *al-Fusha*. Sementara Penggubalan DSKP Usul al-Din berdasarkan sumber rujukan yang sahih dan muktabar. Bagi menyelaraskan kefahaman dan amalan murid, segala bahan sokongan dan proses pembelajaran dan pengajaran dibina dan dilaksanakan berdasarkan fahaman ahli as-Sunnah wa al-Jamaah dan pendapat yang muktabar daripada Mazhab Syafie serta keputusan-keputusan yang diterima pakai daripada pihak berkuasa dalam urusan agama di Malaysia.

Adalah diharapkan melalui mata pelajaran KSSM Usul al-Din ini dapat melahirkan murid yang memahami, mengamalkan akidah yang benar dan menghayati Islam secara menyeluruh.

MATLAMAT

KSSM Usul al-Din bertujuan untuk membina dan membentuk hamba dan khalifah Allah SWT yang berilmu, beriman, bertaqwa, beramal soleh, berakhhlak mulia dan berketerampilan berdasarkan al-Quran dan al-Sunnah serta dapat menyumbang ke arah mempertingkatkan tamadun bangsa dan negara serta kesejahteraan alam demi kebahagiaan dunia dan akhirat.


OBJEKTIF

KSSM Usul al-Din membolehkan murid mencapai objektif berikut:

1. Mengetahui, memahami dan mengaplikasi perkara yang berkaitan dengan Akidah Islamiah dan Tafsir ayat al-Quran pilihan.;
2. Merumuskan kefahaman perkara yang berkaitan dengan Akidah Islamiah dan Tafsir ayat al-Quran pilihan dan mengamalkan dalam kehidupan;
3. Membaca surah-surah pilihan dengan betul dan bertajwid;
4. Menghafaz surah-surah pilihan dengan betul dan bertajwid;

KERANGKA KURIKULUM STANDARD SEKOLAH MENENGAH (KSSM)

KSSM dibina berdasarkan enam tunjang, iaitu Komunikasi; Kerohanian, Sikap dan Nilai; Kemanusiaan; Keterampilan Diri; Perkembangan Fizikal dan Estetika; serta Sains dan Teknologi. Enam tunjang tersebut merupakan domain utama yang menyokong antara satu sama lain dan disepadukan dengan pemikiran kritis, kreatif dan inovatif. Kesepadan ini bertujuan membangunkan modal insan yang menghayati nilai-nilai murni berteraskan keagamaan, berpengetahuan, berketrampilan, berpemikiran kritis dan kreatif serta inovatif sebagaimana yang digambarkan dalam Rajah 1.



Rajah 1: Kerangka Kurikulum Standard Sekolah Menengah

FOKUS

KSSM Usul al-Din berfokuskan aspek ilmu, amali, amalan, penghayatan dan pembudayaan. Berikut ialah maksud setiap aspek tersebut mengikut konteks mata pelajaran ini:

1. Ilmu

Ilmu bermaksud isi kandungan atau fakta ilmu yang ditentukan di dalam Standard Kandungan (SK) dan Standard Pembelajaran (SP). Contohnya fakta tentang takrif, penerangan Islam dan Iman, pengajaran dan sebagainya dalam bidang tauhid, bertajuk Iman dan Islam. Isi kandungan atau fakta tersebut disampaikan secara teori kepada murid.

2. Amali

Amali bermaksud melaksanakan prinsip atau teori yang dipelajari berdasarkan pengamalan sebenar sesuatu ilmu pengetahuan. Contohnya setelah murid diajar secara teori tajuk Iman dan Islam, murid diminta untuk mengenal pasti dan menganalisis cara beriman kepada Allah SWT justeru murid dapat melaksanakan seluruh rukun Iman dan Islam dengan penuh kesempurnaan dalam kehidupan seharian. Amali berperanan bagi memastikan kefahaman yang betul berkaitan sesuatu teori. Guru perlu perlu memberi bimbingan bagi

mengelakkan berlaku kesilapan semasa murid melakukan amali.

3. Amalan

Amalan bermaksud sesuatu yang dilakukan sebagai suatu kebiasaan dalam kehidupan harian. Contohnya setelah mengenal pasti dan menganalisis cara beriman kepada Allah SWT, murid dapat melaksanakan amalan rukun Iman dan Islam secara berterusan dalam kehidupan seharian. Murid perlu sentiasa diingatkan agar sentiasa melaksanakan suruhan perintah dari Allah SWT dan meninggalkan segala larangan-Nya.

4. Penghayatan

Penghayatan bermaksud mengalami dan merasai dalam hati kesan dan pengajaran dari amalan-amalan yang dilaksanakan. Contohnya setelah melaksanakan amalan rukun Iman dan Islam secara berterusan dalam kehidupan seharian, murid dapat merasai kemanisan beramal dalam hati. Murid perlu diingatkan agar sentiasa memelihara iman dan taqwa kepada Allah SWT.

5. Pembudayaan

Pembudayaan bermaksud proses menjadikan amalan baik yang dilaksanakan secara individu sebagai amalan yang dilaksanakan secara berjamaah. Contohnya amalan ketaatan

dan keimanan kepada Allah SWT akhirnya akan mewujudkan budaya amal soleh bukan sahaja di sekolah malahan di luar sekolah.

KEMAHIRAN ABAD KE-21

Salah satu daripada hasrat KSSM adalah untuk melahirkan murid yang mempunyai Kemahiran Abad Ke-21 dengan memberi fokus kepada kemahiran berfikir serta kemahiran hidup dan kerjaya yang berteraskan amalan nilai murni. Kemahiran Abad Ke-21 bermatlamat untuk melahirkan murid yang mempunyai ciri-ciri yang dinyatakan dalam profil murid seperti dalam Jadual 1 supaya mampu bersaing pada peringkat global. Penguasaan Standard Kandungan dan Standard Prestasi dalam kurikulum Usul al-Din menyumbang kepada pemerolehan Kemahiran Abad Ke-21 dalam kalangan murid.

Jadual 1: Profil Murid

PROFIL MURID	PENERANGAN
Berdaya Tahan	Mereka mampu menghadapi dan mengatasi kesukaran, mengatasi

PROFIL MURID	PENERANGAN
	cabaran dengan kebijaksanaan, keyakinan, toleransi dan empati.
Mahir Berkomunikasi	Mereka menyuarakan dan meluahkan fikiran, idea dan maklumat dengan yakin dan kreatif secara lisan dan bertulis, menggunakan pelbagai media dan teknologi.
Pemikir	Mereka berfikir secara kritikal, kreatif dan inovatif; mampu untuk menangani masalah yang kompleks dan membuat keputusan yang beretika. Mereka berfikir tentang pembelajaran dan diri sebagai seorang murid. Mereka menjana soalan dan bersifat terbuka kepada perspektif, nilai dan tradisi individu dan masyarakat lain. Mereka berkeyakinan dan kreatif dalam menangani bidang pembelajaran yang baru
Kerja Sepasukan	Mereka boleh bekerjasama secara berkesan dan harmoni dengan orang lain. Mereka menggalas tanggungjawab bersama serta menghormati dan menghargai sumbangsan yang diberikan oleh setiap ahli pasukan. Mereka memperoleh kemahiran interpersonal melalui aktiviti kolaboratif, seterusnya membentuk watak mereka sebagai pemimpin dan ahli pasukan yang lebih baik.

PROFIL MURID	PENERANGAN
Bersifat Ingin Tahu	Mereka membangunkan rasa ingin tahu secara semula jadi untuk meneroka strategi dan idea baharu. Mereka mempelajari kemahiran yang diperlukan untuk menjalankan inkuiri dan penyelidikan, serta menunjukkan sifat berdikari dalam pembelajaran. Mereka menikmati pengalaman pembelajaran sepanjang hayat secara berterusan.
Berprinsip	Mereka berintegriti dan jujur, kesamarataan, adil dan menghormati maruah individu, kumpulan dan komuniti. Mereka bertanggungjawab atas tindakan, akibat tindakan serta keputusan mereka.
Bermaklumat	Mereka mendapatkan pengetahuan dan membentuk pemahaman yang luas dan seimbang merentasi pelbagai disiplin pengetahuan. Mereka meneroka pengetahuan dengan cekap dan berkesan dalam konteks isu tempatan dan global. Mereka memahami isu-isu etika / undang-undang berkaitan maklumat yang diperoleh.
Penyayang/Prihatin	Mereka menunjukkan empati, belas kasihan dan rasa hormat terhadap keperluan dan perasaan orang lain. Mereka komited untuk berkhidmat

PROFIL MURID	PENERANGAN
	kepada masyarakat dan memastikan kelestarian alam sekitar.
Patriotik	Mereka mempamerkan kasih sayang, sokongan dan rasa hormat terhadap negara.

KEMAHIRAN BERFIKIR ARAS TINGGI

Kemahiran Berfikir Aras Tinggi (KBAT) dinyatakan dalam kurikulum secara eksplisit supaya guru dapat menterjemahkan dalam pengajaran dan pembelajaran (PdP) bagi merangsang pemikiran berstruktur dan berfokus dalam kalangan murid. Penerangan KBAT adalah berfokus kepada empat tahap pemikiran seperti Jadual 2.

Jadual 2: Tahap pemikiran dalam KBAT

TAHAP PEMIKIRAN	PENERANGAN
Mengaplikasi	Menggunakan pengetahuan, kemahiran, dan nilai dalam situasi berlainan untuk melaksanakan sesuatu perkara

Menganalisis	Mencerakinkan maklumat kepada bahagian kecil untuk memahami dengan lebih mendalam serta hubung kait antara bahagian berkenaan
Menilai	Membuat pertimbangan dan keputusan menggunakan pengetahuan, pengalaman, kemahiran, dan nilai serta memberi justifikasi
Mencipta	Menghasilkan idea, produk atau kaedah yang kreatif dan inovatif

KBAT ialah keupayaan untuk mengaplikasikan pengetahuan, kemahiran dan nilai dalam membuat penaakulan dan refleksi bagi menyelesaikan masalah, membuat keputusan, berinovasi dan berupaya mencipta sesuatu.

KBAT merangkumi kemahiran berfikir kritis, kreatif dan menaakul dan strategi berfikir.

Kemahiran berfikir kritis adalah kebolehan untuk menilai sesuatu idea secara logik dan rasional untuk membuat pertimbangan yang wajar dengan menggunakan alasan dan bukti yang munasabah.

Kemahiran berfikir kreatif adalah kemampuan untuk menghasilkan atau mencipta sesuatu yang baharu dan bernilai

dengan menggunakan daya imaginasi secara asli serta berfikir tidak mengikut kelaziman.

Kemahiran menaakul adalah keupayaan individu membuat pertimbangan dan penilaian secara logik dan rasional.

Strategi berfikir merupakan cara berfikir yang berstruktur dan berfokus untuk menyelesaikan masalah.

KBAT boleh diaplikasi dalam bilik darjah melalui aktiviti berbentuk menaakul, pembelajaran inkiri, penyelesaian masalah dan projek. Guru dan murid perlu menggunakan alat berfikir seperti peta pemikiran dan peta minda serta penyoalan aras tinggi untuk menggalakkan murid berfikir.

STRATEGI PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN

KSSM Usul al-Din menekankan penggunaan pelbagai strategi PdP digunakan untuk menyampaikan ilmu kepada murid. Keberkesanan PdP bergantung kepada kreativiti guru merancang, mengolah dan melaksanakan pendekatan, kaedah serta teknik secara bersepadu dan sistematik. PdP yang berpusatkan murid bagi menggalakkan penglibatan yang aktif dapat menimbulkan suasana pembelajaran yang menarik. Pembelajaran secara

hands-on dan berpusatkan murid amat ditekan dalam proses tersebut. Antara strategi yang dicadangkan adalah seperti berikut:

Pendekatan Berpusatkan Murid

Strategi PdP dalam mata Pendidikan Islam haruslah berpusatkan murid bagi membolehkan mereka berinteraksi dan menguasai kemahiran belajar melalui pengalaman sendiri.

Pembelajaran Berasaskan Projek

Murid menggunakan maklumat lama dan baharu untuk menghasilkan sesuatu yang nyata. Kaedah ini melibatkan murid-murid mengkaji sesuatu isu, menyiasat dan mempersempahkan dapatannya. Hal ini juga dapat membantu guru menilai perkembangan atau kualiti pembelajaran murid. Murid lebih bermotivasi kerana dapat menghasilkan sesuatu produk.

Pembelajaran Kontekstual

Pembelajaran kontekstual adalah kaedah pembelajaran yang mengaitkan isi pelajaran dengan pengalaman harian individu, masyarakat dan persekitaran. Kaedah ini menyediakan pembelajaran secara konkret yang melibatkan aktiviti *hands on* dan *mind-on*. Pembelajaran berlaku apabila murid berupaya menghubungkaitkan pengetahuan baharu secara bermakna dan menghayati kerelevan pembelajaran dalam kehidupan mereka.

Pembelajaran Masteri

Pembelajaran ini memastikan semua murid menguasai hasil pembelajaran dalam sesuatu unit sebelum berpindah ke unit pembelajaran yang lain. Pembelajaran ini dipecahkan kepada beberapa unit kecil untuk mudah dikuasai. Murid mesti menguasai 80% aras masteri sebelum berpindah ke unit pembelajaran yang lain.

Pembelajaran Luar Bilik Darjah

Aktiviti kurikulum yang dilaksanakan di luar bilik darjah secara terancang dan berstruktur serta berpusatkan murid. Kaedah ini dapat mengukuhkan pemahaman murid terhadap konsep yang dipelajari semasa di dalam bilik darjah, memberi pengalaman pembelajaran dalam situasi yang sebenar, mengembangkan kemahiran sosial dan kerja berpasukan.

Pembelajaran Konstruktivisme

Konstruktivisme ialah suatu kaedah pembelajaran yang menggalakkan murid membina sendiri pengetahuan atau konsep secara aktif berdasarkan pengetahuan dan pengalaman sedia ada. Dalam proses ini, murid akan menyesuaikan ilmu pengetahuan yang diterima dengan pengetahuan sedia ada untuk membina pengetahuan baru. Pembelajaran ini menjadikan murid

lebih faham, yakin dan seronok belajar dan mengamalkan sepanjang hayat.

Pembelajaran Berasaskan Inkuiiri

Kemahiran inkuiiri merupakan kaedah pengajaran dan pembelajaran yang berpusatkan murid. Murid berperanan merancang dan menjalankan aktiviti pembelajaran. Mereka melibatkan diri secara aktif untuk mencari dan mengumpul maklumat melalui pelbagai aktiviti seperti memerhati, mendengar, menyoal, berbincang, membuat rujukan dan kaji siasat. Aktiviti ini boleh dijalankan secara berasingan atau digabungkan dalam pelbagai teknik pembelajaran seperti kerja projek, simulasi, lawatan, main peranan dan kuiz.

Talaqqi dan Musyafahah

Kaedah talaqqi dan musyafahah dilaksanakan dengan cara guru berhadapan dengan murid atau bersemuka. Guru akan memperdengarkan bacaan ayat al-Quran sebagai bacaan contoh dan meminta murid mendengarnya dan memerhati pergerakkan bibir dengan teliti. Setelah bacaan itu diulang oleh guru beberapa kali, guru meminta murid membacanya dan guru mendengar dengan teliti dan membetulkan bacaan murid sama ada dari segi makhraj dan hukum tajwid.

Bagi memastikan sesuatu PdP berjaya dan mencapai objektif, guru perlu memahami dan menguasai standard kandungan, standard pembelajaran dan standard prestasi dengan jelas dan tepat. Kemahiran guru mengaplikasikan pendekatan, kaedah dan teknik dalam proses PdP Pendidikan Islam akan membantu murid mencapai standard kandungan dan standard pembelajaran yang ditetapkan. Guru juga perlu merancang dan melaksanakan pentaksiran bagi mengesan standard prestasi dapat dicapai oleh murid mengikut kebolehan masing-masing.

Daya kreativiti dan inovatif murid perlu dibangunkan ke tahap optimum supaya murid mampu menyumbang ke arah pembangunan agama, masyarakat, bangsa dan negara. Guru yang kreatif dan inovatif dalam proses PdP akan merangsang dan memotivasikan murid bagi meneroka bidang ilmu yang baharu, menjana idea untuk menghasilkan tugas dengan lebih kreatif, menilai kualiti hasil kerja dan mengerah pemikiran bercapa-paha seterusnya menyerlahkan personaliti individu yang kreatif. Kreativiti ini juga akan dapat menjana idea murid dalam mengaitkan ilmu Islam dengan ilmu sains, teknologi dan kemanusiaan.

Guru Pendidikan Islam mempunyai akauntabiliti untuk memastikan kemahiran berfikir aras tinggi berlaku dalam setiap sesi PdP Usul al-Din supaya Islam dapat direalisasikan sebagai satu cara hidup.

ELEMEN MERENTAS KURIKULUM (EMK)

EMK ialah unsur nilai tambah yang diterapkan dalam proses PdP selain yang ditetapkan dalam standard kandungan. Elemen-elemen ini diterapkan bertujuan mengukuhkan kemahiran dan keterampilan modal insan yang dihasratkan serta dapat menangani cabaran semasa dan masa hadapan. Elemen-elemen tersebut adalah seperti yang berikut:

1. Bahasa

- Penggunaan bahasa pengantar yang betul perlu dititikberatkan dalam semua mata pelajaran.
- Semasa PdP bagi setiap mata pelajaran, aspek sebutan, struktur ayat, tatabahasa, istilah dan laras bahasa perlu diberi penekanan bagi membantu murid menyusun idea dan berkomunikasi secara berkesan.

2. Kelestarian Alam Sekitar

- Kesedaran mencintai dan menyayangi alam sekitar dalam jiwa murid perlu dipupuk melalui PdP semua mata pelajaran.

- Pengetahuan dan kesedaran terhadap kepentingan alam sekitar dapat membentuk etika murid untuk menghargai alam.

3. Nilai Murni

- Nilai murni diberi penekanan dalam semua mata pelajaran supaya murid sedar akan kepentingan dan mengamalkannya.
- Nilai murni merangkumi aspek kerohanian, kemanusiaan dan kewarganegaraan yang menjadi amalan dalam kehidupan harian.

4. Sains dan Teknologi

- Menambahkan minat terhadap sains dan teknologi agar meningkatkan literasi sains serta teknologi dalam kalangan murid.
- Penggunaan teknologi dalam pengajaran dapat membantu serta menyumbang kepada pembelajaran yang lebih cekap dan berkesan.
- Pengintegrasian Sains dan Teknologi dalam PdP merangkumi empat perkara iaitu:
 - Pengetahuan sains dan teknologi (fakta, prinsip, konsep yang berkaitan dengan sains dan teknologi);

- Kemahiran saintifik (proses pemikiran dan kemahiran manipulatif tertentu);
- Sikap saintifik (seperti ketepatan, kejujuran, keselamatan); dan
- Penggunaan teknologi dalam aktiviti PdP.

5. Patriotisme

- Semangat patriotik dapat dipupuk melalui semua mata pelajaran, aktiviti kokurikulum dan khidmat masyarakat.
- Semangat patriotik dapat melahirkan murid yang mempunyai semangat cintakan negara dan berbangga sebagai rakyat Malaysia.

6. Kreativiti dan Inovasi

- Kreativiti adalah kebolehan menggunakan imaginasi untuk mengumpul, mencerna dan menjana idea atau mencipta sesuatu yang baharu melalui ilham atau gabungan idea yang ada.
- Inovasi merupakan pengaplikasian kreativiti melalui ubah suai, membaiki dan mempraktikkan idea.
- Kreativiti dan inovasi saling bergandingan dan perlu untuk memastikan pembangunan modal insan yang mampu menghadapi cabaran abad 21.

- Elemen kreativiti dan inovasi perlu diintegrasikan dalam PdP.

7. Keusahawanan

- Penerapan elemen keusahawanan bertujuan membentuk ciri-ciri dan amalan keusahawanan sehingga menjadi satu budaya dalam kalangan murid.
- Ciri keusahawanan boleh diterapkan dalam PdP melalui aktiviti yang mampu memupuk sikap seperti rajin, jujur, amanah dan bertanggungjawab serta membangunkan minda kreatif dan inovatif untuk memacu idea ke pasaran.

8. Teknologi Maklumat dan Komunikasi

- Penerapan elemen Teknologi Maklumat dan Komunikasi (TMK) dalam PdP memastikan murid dapat mengaplikasi dan mengukuhkan pengetahuan dan kemahiran asas TMK yang dipelajari.
- Pengaplikasian TMK bukan sahaja mendorong murid menjadi kreatif malah menjadikan PdP lebih menarik dan menyeronokkan serta meningkatkan kualiti pembelajaran.

PENTAKSIRAN BILIK DARJAH

Pentaksiran Bilik Darjah (PBD) adalah sebahagian daripada pendekatan pentaksiran yang merupakan satu proses mendapatkan maklumat tentang perkembangan murid yang dirancang, dilaksana dan dilapor oleh guru yang berkenaan. Proses ini berlaku secara formal dan tidak formal supaya guru dapat menentukan tahap penguasaan sebenar murid. PBD perlu dilaksanakan secara holistik berdasarkan prinsip inklusif, autentik dan setempat. Maklumat yang diperoleh daripada PBD akan digunakan oleh pentadbir, guru, ibu bapa dan murid dalam merancang tindakan susulan ke arah peningkatan perkembangan pembelajaran murid. PBD boleh dilaksanakan oleh guru secara formatif dan sumatif.

Pentaksiran secara formatif dilaksanakan seiring dengan proses PdP, manakala pentaksiran secara sumatif dilaksanakan pada akhir sesuatu unit pembelajaran penggal, semester atau tahun. Dalam melaksanakan PBD guru perlu merancang, membina item, mentadbir, memeriksa, merekod dan melapor tahap penguasaan murid dalam mata pelajaran yang diajar berdasarkan Dokumen Standard Kurikulum dan Pentaksiran (DSKP). PBD berperanan mengukuhkan pembelajaran murid serta mampu memberi maklumat yang sah tentang apa yang telah dilaksanakan atau

dicapai dalam satu-satu proses PdP. PBD amat penting untuk menentukan keberkesanan guru dan pihak sekolah dalam usaha menghasilkan insan yang harmoni dan seimbang. PS merupakan aktiviti berterusan serta memerlukan komitmen yang tinggi serta hala tuju yang jelas daripada guru dan pihak sekolah untuk memperkembang potensi setiap murid pada tahap maksimum.

Ciri-ciri Pentaksiran Bilik Darjah

PBD mempunyai ciri-ciri seperti yang berikut:

1. Holistik: Iaitu mampu memberi maklumat keseluruhan tentang pencapaian pengetahuan dan kemahiran serta pengamalan nilai murni.
2. Berterusan: Iaitu aktiviti pentaksiran berjalan seiring dengan PdP.
3. Fleksibel: Iaitu kaedah pentaksiran yang pelbagai mengikut kesesuaian dan kesediaan murid.
4. Berasaskan standard kurikulum.
5. Pelaksanaan pentaksiran formatif yang dijalankan seiring dengan proses PdP dan pentaksiran sumatif yang dijalankan pada akhir unit pembelajaran, semester atau tahun.

Standard Prestasi

SPi adalah pernyataan tentang tahap perkembangan pembelajaran murid yang diukur berdasarkan standard dan menunjukkan tahap penguasaan murid dalam perkembangan

atau kemajuan pembelajarannya. Perkembangan dalam standard itu terbahagi kepada dua iaitu perkembangan secara mendatar (konstruk) dan perkembangan secara menegak (Tahap Penguasaan). Pertumbuhan murid dijelaskan dengan satu atau lebih *qualifier* menggunakan perkataan atau rangkai kata yang betul bagi menggambarkan standard dalam bentuk hasil pembelajaran. SPi dibina sebagai panduan untuk guru menambah baik PS sejajar dengan pelaksanaan Pentaksiran Rujukan Standard.

Tahap Penguasaan Keseluruhan

Tahap penguasaan keseluruhan perlu ditentukan bagi memberi satu nilai tahap penguasaan murid di akhir sesi persekolahan. Tahap penguasaan keseluruhan ini merangkumi domain kognitif, psikomotor dan afektif murid secara kolektif dan holistik dengan melihat semua aspek semasa proses pembelajaran murid secara berterusan melalui pelbagai kaedah. Guru boleh membuat pertimbangan profesional untuk memberi satu nilai tahap penguasaan keseluruhan murid berdasarkan pengalaman guru bersama-sama murid, kebijaksanaan serta melalui perbincangan rakan sejawat. Tahap penguasaan keseluruhan diberi selepas murid mempelajari bidang-bidang yang terdapat di dalam komponen Usul al-Din seperti jadual 3 hingga 7 berikut:

Jadual 3: Penyataan Tahap Penguasaan Umum KSSM Usul al-Din

TAHAP PENGUASAAN	TAFSIRAN
1	Mengetahui perkara asas, atau boleh melakukan kemahiran asas, atau memberi respon terhadap perkara asas berkaitan tajuk Usul al-Din.
2	Menunjukkan kefahaman berkaitan tajuk Usul al-Din dengan menjelaskan sesuatu perkara yang dipelajari dalam pelbagai bentuk komunikasi.
3	Menggunakan pengetahuan berkaitan tajuk Usul al-Din untuk melaksanakan sesuatu kemahiran pada suatu situasi.
4	Menganalisis dan mengamalkan sesuatu kemahiran berkaitan berkaitan tajuk Usul al-Din.
5	Menilai dan mengamalkan sesuatu kemahiran berkaitan tajuk Usul al-Din pada situasi baharu dengan beradab.
6	Berupaya menggunakan pengetahuan dan kemahiran berkaitan tajuk Usul al-Din sedia ada untuk digunakan pada situasi baharu secara beradab dan istiqamah.

Jadual 4: Penyataan Umum Standard Prestasi Bidang Tauhid

TAHAP PENGUASAAN	TAFSIRAN
1	Menyatakan perkara yang berkaitan akidah dengan bimbingan.
2	Menjelaskan perkara yang berkaitan dengan akidah.
3	Mengaplikasikan perkara yang berkaitan dengan akidah melalui pengamalan dalam kehidupan.
4	Menganalisis perkara yang berkaitan akidah serta mengamalkannya.
5	Menilai perkara yang berkaitan akidah serta mengamalkannya secara istiqamah.
6	Merumus perkara yang berkaitan akidah, mengamalkannya secara istiqamah dan boleh dicontohi dalam kehidupan.

Jadual 5 : Penyataan Umum Standard Prestasi Bidang Tafsir (Kefahaman)

TAHAP PENGUASAAN	TAFSIRAN
1	Menyatakan perkara yang berkaitan dengan tafsir surah pilihan dengan bimbingan.
2	Menjelaskan perkara yang berkaitan dengan tafsir surah pilihan.
3	Mengaplikasikan perkara yang berkaitan dengan tafsir surah pilihan dalam kehidupan.
4	Menganalisis perkara yang berkaitan dengan tafsir surah pilihan dan mengamalkannya.
5	Menilai perkara yang berkaitan dengan tafsir surah pilihan dan mengamalkannya secara istiqamah.
6	Merumus perkara yang berkaitan dengan tafsir surah pilihan, mengamalkannya secara istiqamah dan boleh dicontohi dalam kehidupan.

Jadual 6 : Penyataan Umum Standard Prestasi Bidang Tafsir
(Tilawah)

TAHAP PENGUASAAN	TAFSIRAN
1	Membaca surah pilihan dengan bimbingan.
2	Membaca surah pilihan dengan baik.
3	Membaca surah pilihan dengan baik dan lancar.
4	Membaca surah pilihan dengan betul, bertajwid dan lancar.
5	Membaca surah pilihan dengan betul, bertajwid, lancar dan fasih serta melazimi dalam kehidupan seharian.
6	Membaca surah pilihan dengan betul, bertajwid, lancar dan fasih serta melazimi dalam kehidupan seharian dan boleh dicontohi.

Jadual 7: Penyataan Umum Standard Prestasi Hifz al-Quran
Surah terpilih

TAHAP PENGUASAAN	TAFSIRAN
1	Menghafaz lima ayat daripada awal surah Al-Sajadah secara bertajwid dengan bimbingan.
2	Menghafaz sepuluh ayat daripada awal surah Al-Sajadah secara bertajwid dengan bimbingan.
3	Menghafaz lima belas ayat daripada awal surah Al-Sajadah secara bertajwid dengan bimbingan.
4	Menghafaz dua puluh ayat daripada awal surah Al-Sajadah secara bertajwid.
5	Menghafaz dua puluh lima ayat daripada awal surah Al-Sajadah secara bertajwid dan lancar.
6	Menghafaz keseluruhan surah Al-Sajadah secara bertajwid, lancar, dan fasih serta boleh dicontohi.

ORGANISASI KANDUNGAN

Organisasi kandungan KSSM Usul al-Din Tingkatan 5 terbahagi kepada tiga bidang berikut:

1. Tauhid

- 1.1 Perbuatan Hamba (*Af'al Al-'Ibad*)
- 1.2 Hidayah dan Kesesatan
- 1.3 Janji Baik dan Janji Buruk
- 1.4 Kebahagiaan dan Kesengsaraan
- 1.5 *Qada' dan Qadar*
- 1.6 Kenabian
- 1.7 Mukjizat Para Rasul
- 1.8 Mukjizat Nabi Muhammad SAW
- 1.9 Sahabat Nabi Muhammad SAW

2. Tafsir

(Kefahaman)

- 2.1 Surah Al-Mulk
- 2.2 Surah Al-Qalam
- 2.3 Surah Al-Muzzammil
- 2.4 Surah Al-Qiyamah
- 2.5 Surah Al-Insan

(Tilawah)

- 2.6 Surah Al-Mursalat, Al-Haqqah, Al-Ma'arij, Nuh, Al-Jin, Al-Muddassir

3. Hifz al-Quran

- 3.1 Surah Al-Sajadah

Peruntukan Masa

Peruntukan masa minimum KSSM bagi matapelajaran Usul al-Din Tingkatan 5 ialah 128 jam setahun.

Dokumen Standard Kandungan Dan Pentaksiran

DSKP ialah dokumen yang mengintegrasikan kurikulum dan pentaksiran yang merangkumi SK, SP, dan SPi. DSKP memastikan guru melaksanakan proses PdP dan seterusnya menjalankan pentaksiran dengan merujuk kepada satu dokumen sahaja. Guru melaksanakan PdP melalui SK dan SP serta mentaksir perkembangan dan pencapaian murid melalui SPi yang diletakkan di akhir setiap bidang seperti pada jadual 8

Jadual 8: Standard Kandungan, Standard Pembelajaran dan Standard Prestasi

Standard Kandungan	Standard Pembelajaran	Catatan
Penyataan spesifik tentang perkara yang murid patut ketahui dan boleh lakukan dalam satu tempoh persekolahan merangkumi aspek pengetahuan, kemahiran dan nilai.	Satu penetapan kriteria atau indikator kualiti pembelajaran dan pencapaian yang boleh diukur bagi setiap standard kandungan.	Strategi pengajaran dan aktiviti yang dicadangkan

Standard Prestasi

Satu set kriteria yang menunjukkan tahap-tahap penguasaan murid sebagai petunjuk bahawa sesuatu perkara itu telah dikuasai.

1. التوحيد

اللإلاحة	معيار التعلم	معيار المحتوى
<p>طرق التدريس المقترحة :</p> <ul style="list-style-type: none"> - التعلم السياقي - التعلم الإتقاني - التعلم الاستقصائي - الاستقرائية والقياسية - التعلم القائم على المشاريع <p>الأنشطة التعليمية المقترحة :</p> <ul style="list-style-type: none"> - المناقشة - جولة المعرض - السؤال والجواب - الخريطة الذهنية 	<p>1.1.1 خلق أفعال العباد</p> <p>1.1.1.1 ذكر أفعال العباد اضطراريا و اختياريا</p> <p>1.1.1.2 بيان الكسب و مراحله عند أهل السنة والجماعة والمعزلة.</p> <p>1.1.1.3 بيان الدليل النقلي على إثبات الكسب.</p> <p>1.1.1.4 توضيح أقوال المذاهب في علاقة الأسباب بالأسباب.</p>	<p>1.1 استخلاص مفاهيم خلق أفعال العباد استخلاصا صحيحا</p>

الملاحظة	معيار التعلم	معيار المحتوى
<p>طرق التدريس المقترحة :</p> <ul style="list-style-type: none"> - التعلم السياقي - التعلم الإتقاني - التعلم الاستقصائي - الاستقرائية والقياسية - التعلم القائم على المشاريع <p>الأنشطة التعليمية المقترحة :</p> <ul style="list-style-type: none"> - المناقشة - جولة المعرض - السؤال والجواب - الخريطة الذهنية 	<p>1.2.1 التوفيق والخذلان</p> <p>1.2.1.1 ذكر مفهوم التوفيق والخذلان.</p> <p>1.2.1.2 بيان الدليل النصي على التوفيق والخذلان.</p>	<p>1.2 استخلاص مفاهيم التوفيق والخذلان استخلاصاً صحيحاً.</p>

الملاحظة	معيار التعلم	معيار المحتوى
<p>طرق التدريس المقترحة :</p> <ul style="list-style-type: none"> - التعلم السياقي - التعلم الإتقاني - التعلم الاستقصائي - الاستقرائية والقياسية - التعلم القائم على المشارع <p>الأنشطة التعليمية المقترحة :</p> <ul style="list-style-type: none"> - المناقشة - جولة المعرض - السؤال والجواب - الخريطة الذهنية 	<p>1.3.1 الوعد والوعيد</p> <p>1.3.1.1 ذكر تعريف الوعد والوعيد.</p> <p>1.3.1.2 بيان حكم الوعد والوعيد عند الأشاعرة والماتيردية.</p>	<p>1.3 استخلاص مفاهيم الوعد والوعيد استخلاصا صحيحا.</p>

الملاحظة	معيار التعلم	معيار المحتوى
<p>طرق التدريس المقترحة :</p> <ul style="list-style-type: none"> - التعلم السياقي - التعلم الإتقاني - التعلم الاستقصائي - الاستقرائية والقياسية - التعلم القائم على المشارع <p>الأنشطة التعليمية المقترحة :</p> <ul style="list-style-type: none"> - المناقشة - جولة المعرض - السؤال والجواب - الخريطة الذهنية 	<p>1.4.1 السعادة والشقاوة.</p> <p>1.4.1.1 ذكر تعريف السعادة والشقاوة.</p> <p>1.4.1.2 توضيح السعادة والشقاوة عند الأشاعرة والماتيريدية.</p>	<p>1.4 استخلاص مفاهيم السعادة والشقاوة استخلاصا صحيحا.</p>

الملاحظة	معيار التعلم	معيار المحتوى
<p>طرق التدريس المقترحة :</p> <ul style="list-style-type: none"> - التعلم السياقي - التعلم الإتقاني - التعلم الاستقصائي - الاستقرائية والقياسية - التعلم القائم على المشاريع <p>الأنشطة التعليمية المقترحة :</p> <ul style="list-style-type: none"> - المناقشة - جولة المعرض - السؤال والجواب - الخريطة الذهنية 	<p>1.5.1 القضاء والقدر</p> <p>1.5.1.1 ذكر تعريف القضاء والقدر</p> <p>1.5.1.2 ذكر دليل وجوب الایمان بالقضاء والقدر</p> <p>1.5.1.3 بيان رأي الأشاعرة والماتريدية حول تقسيم القضاء والقدر</p> <p>1.5.1.4 توضيح حكم الاحتجاج بالقضاء والقدر</p>	<p>1.5 استخلاص مفاهيم القضاء والقدر استخلاصا صحيحا.</p>

الملاحظة	معيار التعلم	معيار المحتوى
طرق التدريس المقترحة : <ul style="list-style-type: none"> - التعلم السياقي - التعلم الإتقاني - التعلم الاستقصائي - الاستقرائية والقياسية - التعلم القائم على المشاريع 	النبوات 1.6.1 ذكر حاجة البشر إلى الرسالة. 1.6.1.1 ذكر تعريف الوحي. 1.6.1.2 بيان أنواع الوحي. 1.6.1.3 بيان الفرق بين النبي والرسول. 1.6.1.4 بيان حكم إرسال الرسل وأراء المذاهب فيه. 1.6.1.5 توضيح حكم الإيمان بالرسل والأنباء.	استخلاص مفاهيم النبوات استخلاصاً صحيحاً. 1.6
الأنشطة التعليمية المقترحة : <ul style="list-style-type: none"> - المناقشة - جولة المعرض - السؤال والجواب - الخريطة الذهنية 		

الملاحظة	معيار التعلم	معيار المحتوى
<p>طرق التدريس المقترحة :</p> <ul style="list-style-type: none"> - التعلم السياقي - التعلم الإتقاني - التعلم الاستقصائي - الاستقرائية والقياسية - التعلم القائم على المشاريع <p>الأنشطة التعليمية المقترحة :</p> <ul style="list-style-type: none"> - المناقشة - جولة المعرض - السؤال والجواب - الخريطة الذهنية 	<p>1.7.1 المعجزة</p> <p>1.7.1.1 ذكر أنواع الخوارق للعادة.</p> <p>1.7.1.2 بيان تعريف وشروط المعجزة.</p> <p>1.7.1.3 بيان مفاهيم:</p> <ul style="list-style-type: none"> i. الكرامة ii. المعونة iii. الاستدراج iv. الإهانة v. الإرهاب <p>1.7.1.4 توضيح الفرق بين الخوارق والسحر والشعوذة.</p> <p>1.7.1.5 توضيح بحِكم المعجزة على صدق الرسول.</p>	<p>استخلاص مفاهيم استخلاصاً صحيحاً.</p> <p>المعجزة</p>

الملاحظة	معيار التعلم	معيار المحتوى
<p>طرق التدريس المقترحة :</p> <ul style="list-style-type: none"> - التعلم السياقي - التعلم الإتقاني - التعلم الاستقصائي - الاستقرائية والقياسية - التعلم القائم على المشاريع <p>الأنشطة التعليمية المقترحة :</p> <ul style="list-style-type: none"> - المناقشة - جولة المعرض - السؤال والجواب - الخريطة الذهنية 	<p>1.8.1 معجزات نبينا ﷺ</p> <p>1.8.1.1 ذكر مفهوم المعجزة الخالدة القرآن الكريم.</p> <p>1.8.1.2 بيان إعجاز القرآن.</p> <p>1.8.1.3 ذكر بعض معجزات سيدنا محمد ﷺ</p> <p>الحسية:</p> <p>.i. انشقاق القمر</p> <p>.ii. تسليم الحجر والشجرة على الرسول حنين الجزء</p> <p>.iii. تسبيح الحصا</p> <p>.iv. شهادة الضب</p> <p>.v. رد عين قتادة</p> <p>.vi. الإسراء والمعراج</p> <p>1.8.1.4 بيان حادثة الإسراء والمعراج وحكم الإيمان بها.</p>	<p>1.8 استخلاص مفاهيم معجزات نبينا ﷺ استخلاصا صحيحا.</p>

الملاحظة	معيار التعلم	معيار المحتوى
<p>طرق التدريس المقترحة :</p> <ul style="list-style-type: none"> - التعلم السياقي - التعلم الإتقاني - التعلم الاستقصائي - الاستقرائية والقياسية - التعلم القائم على المشاريع <p>الأنشطة التعليمية المقترحة :</p> <ul style="list-style-type: none"> - المناقشة - جولة المعرض - السؤال والجواب - الخريطة الذهنية 	<p>1. اعتقادنا في الصحابة</p> <p>1.9.1.1 ذكر رأي أهل السنة في أصحاب النبي ﷺ.</p> <p>1.9.1.2 بيان مفهوم الصحابة وأفضليتهم.</p> <p>1.9.1.3 توضيح المراد بالخلافة ومراتب الخلفاء الأربع.</p>	<p>1.9 استخلاص مفاهيم اعتقادنا في الصحابة استخلاصا صحيحا</p>

معايير الإنجازات	
التفاصيل	المستويات
ذكر المفاهيم المتعلقة بعلم التوحيد بالإرشاد.	1
بيان المفاهيم المتعلقة بعلم التوحيد.	2
تطبيق المفاهيم المتعلقة بعلم التوحيد في الحياة تطبيقاً صحيحاً.	3
تحليل المفاهيم المتعلقة بعلم التوحيد تحليلاً صحيحاً وملازمتها في الحياة.	4
تقييم المفاهيم المتعلقة بعلم التوحيد تقييماً صحيحاً وملازمتها في الحياة.	5
استخلاص المفاهيم المتعلقة بعلم التوحيد وملازمتها في الحياة والقدرة على أن يكون الطالب قدوة للغير.	6

.2 التفسير(الفهم)

الملاحظة	معيار التعلم	معيار المحتوى
<p>طرق التدريس المقترحة :</p> <ul style="list-style-type: none"> - التعلم الإتقاني - الاستقرائية - التعلم السياقي <p>الأنشطة التعليمية المقترحة :</p> <ul style="list-style-type: none"> - الخريطة الذهنية - المناقشة - السؤال والجواب - جولة المعرض 	<p>2.1.1 ذكر معاني الكلمات المختاراة:</p> <p>تَبَرَّكَ - لِيَبْلُوْكُمْ - الْغَفُورُ - بِمَصْبِحَ - شَيِّقًا - مُبِينٌ - يُحِيرُ</p> <p>2.1.2 شرح مفهوم قوله تعالى:</p> <p>2.1.2.1 ۚ الَّذِي خَلَقَ الْمَوْتَ وَالْحَيَاةَ لِيَبْلُوْكُمْ أَيُّكُمْ أَحْسَنُ عَمَلًا</p> <p>2.1.2.2 ۖ وَلَقَدْ زَيَّنَا الْسَّمَاءَ الدُّنْيَا بِمَصْبِحَ وَجَعَلْنَاهَا رُجُومًا لِلشَّيْطَنِ ۝ وَأَعْتَدْنَا لَهُمْ عَذَابَ الْسَّعِيرِ</p> <p>2.1.2.3 ۖ وَلِلَّذِينَ كَفَرُوا بِرَبِّهِمْ عَذَابُ جَهَنَّمَ وَبِئْسَ الْمَصِيرُ</p> <p>2.1.2.4 ۖ إِنَّمَا مِنْ فِي الْسَّمَاءِ أَنْ يَخْسِفَ بِكُمْ الْأَرْضَ فَإِذَا هِيَ تَمُورُ</p> <p>2.1.2.5 ۖ وَيَقُولُونَ مَتَى هَذَا الْوَعْدُ إِنْ كُنْتُمْ صَادِقِينَ</p>	<p>2.1 استخلاص مضمون سورة الملك استخلاصاً صحيحاً وتدبره.</p>

الملاحظة	معيار التعلم	معيار المحتوى
	<p>2. توضيح الأسرار البلاغية المختارة:</p> <p>2.1.3.1 بِيَدِهِ الْمُلْكُ</p> <p>2.1.3.2 لِيَبْلُوْكُمْ</p> <p>2.1.3.3 سَمِعُواْ لَهَا شَيْئاً</p> <p>2.1.3.4 أَلَّمْ يَأْتِكُمْ نَذِيرٌ</p> <p>2.1.4 استخلاص ما يستفاد من السورة الكريمة</p>	

الملاحظة	معيار التعلم	معيار المحتوى
<p>طرق التدريس المقترحة :</p> <ul style="list-style-type: none"> - التعلم الإتقاني - الاستقرائية - التعلم السياقي 	<p>2.2.1 ذكر معانٍ الكلمات المختارة:</p> <p>لأَجْرًا - غَيْرِ مَمْنُونٍ - الْمُفْتُونَ - فَيُدْهِنُونَ</p> <p>- هَمَارٌ - عُتُلٌ - فِيهِ تَدْرُسُونَ - تَخَيَّرُونَ -</p> <p>صَاحِبِ الْحُوتِ - مَكْظُومٌ</p>	<p>2.2 استخلاص مضمون سورة القلم استخلاصاً صحيحاً وتدبره.</p>
<p>الأنشطة التعليمية المقترحة :</p> <ul style="list-style-type: none"> - الخريطة الذهنية - المناقشة - السؤال و الجواب - جولة المعرض 	<p>2.2.2 شرح مفهوم قوله تعالى:</p> <p>وَالْقَلْمَ وَمَا يَسْطُرُونَ</p> <p>2.2.2.1</p> <p>2.2.2.2 إِنَّ رَبَّكَ هُوَ أَعْلَمُ بِمَنْ ضَلَّ عَنْ سَبِيلِهِ، وَهُوَ أَعْلَمُ بِالْمُهْتَدِينَ</p> <p>2.2.2.3 قَلَا تُطِعِ الْمُكَذِّبِينَ</p> <p>2.2.2.4 إِذَا تُتَلَى عَلَيْهِ ءَايَتِنَا قَالَ أَسْطِيرُ الْأَوَّلِينَ</p> <p>2.2.2.5 أَمْ لَكُمْ أَيْمَنٌ عَلَيْنَا بِلِغَةٍ إِلَى يَوْمِ الْقِيَمَةِ إِنَّ لَكُمْ مَا تَحْكُمُونَ</p> <p>2.2.2.6 فَاصْبِرْ لِحُكْمِ رَبِّكَ وَلَا تَكُنْ كَصَاحِبِ الْحُوتِ إِذْ نَادَى وَهُوَ مَكْظُومٌ</p>	

الملاحظة	معيار التعلم	معيار المحتوى
	<p>2.2.3 توضيح الأسرار البلاغية المختارة :</p> <p>2.2.3.1 فَسَتُبَصِّرُ وَيُبَصِّرُونَ بِأَيِّكُمْ أَمْفَتُونُ</p> <p>2.2.3.2 حَلَافٌ ، هَمَازٌ ، مَشَاءٌ</p> <p>2.2.3.3 أَفَنَجْعَلُ الْمُسْلِمِينَ كَالْمُجْرِمِينَ</p> <p>2.2.4 استخلاص ما يستفاد من السورة الكريمة</p>	

الملاحظة	معيار التعلم	معيار المحتوى
<p>طرق التدريس المقترحة :</p> <ul style="list-style-type: none"> - التعلم الإتقاني - الاستقرائية - التعلم السياقي <p>الأنشطة التعليمية المقترحة :</p> <ul style="list-style-type: none"> - الخريطة الذهنية - المناقشة - السؤال و الجواب - جولة المعرض 	<p>2.3.1 ذكر معاني الكلمات المختارة: الْمَرْمُلُ – رَتِيلٌ – وَطَئَا – وَذَرَنِي – وَالْمَكَذِّبِينَ – أَنَّكَالًا – أَدْنَى – يَقْدِرُ – فَضْلُ اللَّهِ</p> <p>2.3.2 شرح مفهوم قوله تعالى: وَرَتِيلٌ الْقُرْءَانَ تَرْتِيلًا</p> <p>2.3.2.1 إِنَّ نَاسِهَا الْلَّيْلٌ هِيَ أَشَدُّ وَطَنًا وَأَقْوَمُ قِيَالًا</p> <p>2.3.2.2 وَطَعَامًا ذَا غُصَّةً وَعَذَابًا أَلِيمًا</p> <p>2.3.2.3 إِنَّ رَبَّكَ يَعْلَمُ أَنَّكَ تَقْوُمُ أَدْنَى مِنْ ثُلُثِي الْلَّيْلِ وَنِصْفَهُ وَثُلُثُهُ وَطَائِفَةً مِنَ الَّذِينَ مَعَكُ وَاللَّهُ يُقَدِّرُ الْلَّيْلَ وَالنَّهَارَ عِلْمًا أَنَّ لَنْ تُحْصُوهُ فَتَابَ عَلَيْكُمْ ... أَلْخ</p> <p>2.3.3 توضيح الأسرار البلاغية المختارة :</p> <p>2.3.3.1 وَاللَّهُ يُقَدِّرُ الْلَّيْلَ وَالنَّهَارَ</p> <p>2.3.3.2 إِنَّ رَبَّكَ يَعْلَمُ أَنَّكَ تَقْوُمُ أَدْنَى مِنْ ثُلُثِي الْلَّيْلِ</p>	<p>2.3 استخلاص مضمون سورة الْمَرْمُل استخلاصا صحيحا وتدبره.</p>

الملاحظة	معيار التعلم	معيار المحتوى
	<p>2.3.3.3 فَاقْرُءُوا مَا تَيَسَّرَ مِنْهُ</p> <p>2.3.4 استخلاص ما يستفاد من السورة الكريمة</p>	
<p>طرق التدريس المقترحة :</p> <ul style="list-style-type: none"> - التعلم الإتقاني - الاستقرائية - التعلم السياقي <p>الأنشطة التعليمية المقترحة :</p> <ul style="list-style-type: none"> - الخريطة الذهنية - المناقشة - السؤال والجواب - جولة المعرض 	<p>2.4.1 ذكر معاني الكلمات المختارة: بَلَى - بَنَانَهُ - لَا وَزَرٌ - أَلْفَرُ - مَعَاذِيرُهُ - كَلَّا - أَلْتَرَاقِيَ - يَتَمَطَّلَ - نُطْفَةً</p> <p>2.4.2 شرح مفهوم قوله تعالى:</p> <p>2.4.2.1 لَا أَقْسِمُ بِيَوْمِ الْقِيَمَةِ</p> <p>2.4.2.2 بَلَى قَدِيرِينَ عَلَى أَنْ نُسَوِّي بَنَانَهُ</p> <p>2.4.2.3 وَجْمَعَ الشَّمْسُ وَالْقَمَرُ</p> <p>2.4.2.4 إِلَى رِبِّكَ يَوْمَئِذٍ الْمَسَاقُ</p> <p>2.4.2.5 أَيْحَسَبُ الْإِنْسُنُ أَنْ يُتْرَكَ سُدًّا</p> <p>2.4.3 توضيح الأسرار البلاغية المختارة :</p> <p>2.4.3.1 يَسْأَلُ أَيَّانَ يَوْمُ الْقِيَمَةِ</p> <p>2.4.3.2 قَدَّمَ وَأَخَرَ</p> <p>2.4.3.3 وَالْتَّفَتَ الْسَّاقُ بِالسَّاقِ</p> <p>2.4.4 استخلاص ما يستفاد من السورة الكريمة</p>	<p>2.4 استخلاص مضمون سورة القيامة استخلاصا صحيحا وتدبره.</p>

الملاحظة	معيار التعلم	معيار المحتوى
<p>طرق التدريس المقترحة :</p> <ul style="list-style-type: none"> - التعلم الإتقاني - الاستقرائية - التعلم السياقي <p>الأنشطة التعليمية المقترحة :</p> <ul style="list-style-type: none"> - الخريطة الذهنية - المناقشة - السؤال و الجواب - جولة المعرض 	<p>2.5.1 ذكر معاني الكلمات المختاراة: آلِإِنْسَنِ - أَمْشَاجٍ - شَاكِرًا - وَأَغْلُلًا - وَسَعِيرًا - كَافُورًا - مُسْتَطِيرًا - مِسْكِينًا - قَمْطَرِيرًا</p> <p>2.5.2 شرح مفهوم قوله تعالى:</p> <p>2.5.2.1 هَلْ أَتَى عَلَى الْإِنْسَنِ حِينٌ مِّنَ الدَّهْرِ لَمْ يَكُنْ شَيْءًا مَّذْكُورًا</p> <p>2.5.2.2 إِنَّا هَدَيْنَاهُ السَّبِيلَ إِمَّا شَاكِرًا وَإِمَّا كَفُورًا</p> <p>2.5.2.3 إِنَّ الْأَبْرَارَ يَسْرِيْبُونَ مِنْ كَامِبِ كَانَ مِزَاجُهَا كَافُورًا</p> <p>2.5.2.4 يُوفُونَ بِالثَّنَرِ وَيَخَافُونَ يَوْمًا كَانَ شَرُّهُ مُسْتَطِيرًا</p> <p>2.5.2.5 إِنَّا خَلَقْنَا الْإِنْسَانَ مِنْ نُطْفَةٍ أَمْشَاجٍ</p> <p>2.5.2.6 إِنَّمَا نُطْعِمُكُمْ لِوَجْهِ اللَّهِ لَا نُرِيدُ مِنْكُمْ جَزَاءً وَلَا شُكُورًا</p>	<p>2.5 استخلاص مضمون سورة الإنسان استخلاصا صحيحا وتدبره.</p>

الملاحظة	معيار التعلم	معيار المحتوى
	<p>2.5.3 توضيح الأسرار البلاغية المختارة :</p> <p>2.5.3.1 إِمَّا شَاكِرًا وَإِمَّا كَفُورًا</p> <p>2.5.3.2 يَوْمًا عَبُوسًا</p> <p>2.5.3.3 فِيهَا شَمْسًا وَلَا زَمْهَرِيرًا</p> <p>2.5.4 استخلاص ما يستفاد من السورة الكريمة</p>	

معايير الإنجازات	
التفاصيل	المستويات
ذكر مضمون السور المدرosaة في التفسير بالإرشاد.	1
بيان مضمون السور المدرosaة في التفسير.	2
تطبيق مضمون السور المدرosaة في التفسير في الحياة تطبيقا صحيحا.	3
تحليل مضمون السور المدرosaة في التفسير تحليلا صحيحا وملازمته في الحياة.	4
تقييم مضمون السور المدرosaة في التفسير تقييما صحيحا وملازمته في الحياة.	5
استخلاص الطالب الأفكار من مضمون السور المدرosaة في التفسير وملازمته في الحياة والقدرة على أن يكون قدوة للغير.	6

2. التفسير (التلاوة)

اللحوظات	معيار التعلم	معيار المحتوى
<p>طرق التدريس المقترحة :</p> <ul style="list-style-type: none"> - التلقي والمشافهة <p>الأنشطة المقترحة :</p> <ul style="list-style-type: none"> - القراءة الجماعية - القراءة الفردية - التسميع 	<p>2.6.1 تلاوة الآيات القرآنية من السور الآتية مع مراعات أحكام التجويد :</p> <hr/> <ul style="list-style-type: none"> - سورة المرسلات - سورة الحاقة - - سورة المعراج - سورة نوح - سورة الجن - سورة المدثر <hr/> <p>2.6.2 الملازمة على تلاوة القرآن مع مراعاة أحكام التجويد.</p>	<p>2.6 تلاوة الآيات من السور المختارة تلاوة صحيحة مجودة طليقة فصيحة</p>

المعيار الانجازات	
التفاصيل	المستويات
تلاوة السورة المختارة بالإرشاد	1
تلاوة جيدة للسورة المختارة	2
تلاوة جيدة طليقة للسورة المختارة	3
تلاوة صحيحة مجودة طليقة للسورة المختارة وملازمها	4
تلاوة صحيحة مجودة طليقة فصيحة للسورة المختارة وملازمها	5
تلاوة صحيحة مجودة طليقة فصيحة للسورة المختارة وملازمها ويكون قدوة للغير	6

3. حفظ القراءان

الملاحظة	معيار التعلم	معيار المحتوى
<p>طرق التدريس المقترحة :</p> <ul style="list-style-type: none"> - التلقي والمشافهة <p>الأنشطة المقترحة :</p> <ul style="list-style-type: none"> - التكرار - الحفظ المجود - التسميع 	<p>3.1.1. حفظ سورة السجدة مع مراعاة أحكام التجويد.</p> <p>3.1.2. الملزمة على حفظ القراءان مع مراعاة أحكام التجويد.</p>	<p>3.1 حفظ سورة السجدة مع مراعاة أحكام التجويد</p>

معايير الانجازات	
التفاصيل	المستويات
حفظ خمس آيات من بداية سورة السجدة حفظاً مجوّداً بالإرشاد	1
حفظ عشرة آية من بداية سورة السجدة حفظاً مجوّداً بالإرشاد	2
حفظ خمس عشرة آية من بداية سورة السجدة حفظاً مجوّداً بالإرشاد	3
حفظ عشرين آية من بداية سورة السجدة حفظاً مجوّداً	4
حفظ خمس وعشرين آية من بداية سورة السجدة حفظاً مجوّداً طليقاً	5
حفظ سورة السجدة بأكملها حفظاً مجوّداً طليقاً فصيحاً ويكون الطالب قدوة لآخرين	6

PANEL PENGGUBAL

Muhammad Kamil bin Ali	Bahagian Pendidikan Islam
Mohd Khairi bin Ramlee	Bahagian Pendidikan Islam
Dr Badrul Hisyam bin Mohd Yasin	Institut Pendidikan Guru Kampus Pendidikan Islam
Wan Yusof bin Wan Sulong	Institut Pendidikan Guru Kampus Pendidikan Islam
Zulkifli bin Jamil	SAM Jeram
Mohd Saiful bin Ripin	SAMT Tengku Ampuan Rahimah, Sungai Manggis, Banting
Khalid al-Walid bin Yusop	SAMT Tengku Ampuan Rahimah, Sungai Manggis, Banting
Muhammad Yazid bin Shaibullah	SAMT Tengku Ampuan Rahimah, Sungai Manggis, Banting
Muhammad Habib bin Mustapha	SMA MAIWP, Cheras
Mohd Nazri bin Ismail	SMA Nurul Islam
Mohd Safuan bin Mohammad	SAMT Tengku Ampuan Jemaah, Shah Alam
Mohamed Razali bin Mohamed Superi	SAMT Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah
Dewiyana binti Mat Salim	SAM Unwanus Saadah, Kanchong Darat
Hidayah binti Amir	MIT5 Istana Bandar, Kuala Langat
Nor Hazleen binti Abdul Jalil	SAM Muhammadiyah, Sabak Bernam
Faridah binti Ibrahim	SAM Bandar Baru Salak Tinggi
Shaiful Azizan bin Sidek	SAM Sultan Hisamuddin, Sungai Bertih

TURUT MENYUMBANG

Profesor Rosni bin Samah

Universiti Sains Islam Malaysia

Dr. Mat Taib bin Pa

Fakulti Bahasa, Universiti Malaysia

Mohd Yazari bin Subari

Institut Pendidikan Guru Kampus Pendidikan Islam

Marzuki bin Manan

Darul Quran, JAKIM

PENGHARGAAN

Penasihat

Abu Hanipah@Fauzi bin Zahari

Pengarah
Bahagian Pendidikan Islam

Azizan bin Muhammad

Timbalan Pengarah
Sektor Kurikulum Pendidikan Islam dan Bahasa Arab

Penasihat Editorial

Muhammad Kamil bin Ali

Ketua Penolong Pengarah

Wan Abdul Hamiluddin bin Abd Kadir

Ketua Penolong Pengarah

Zamri bin Abdul Rahim

Ketua Penolong Pengarah

**BAHAGIAN PENDIDIKAN ISLAM
KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA**
Aras Bawah dan Dua, Bangunan Mustapha Kamal
No.2251, Jalan Usahawan 1, 63000 Cyberjaya
Selangor Darul Ehsan